

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01/09/2017

Laungan 'Merdeka' PM gaya Tunku

BH - 1/9/2017 Pg. 2

➔ Lebih 500,000 rakyat pelbagai kaum sambut Hari Kebangsaan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Faris Fuad, Fazrik Kamarudin dan Azzman Abdul Jamal
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Bagaikan membaca buku sejarah mulai tarikh keramat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, lakaran 60 tahun negara merdeka disajikan dalam suasana menakjubkan, amat istimewa dan penuh nostalgia pada sam-

butan Hari Kebangsaan 2017 di Dataran Merdeka, semalam.

Persembahan tahun ini mengimbas detik tanah air dibina hasil kepayahan nenek moyang dan diubah kepada kejayaan secara kebersamaan serta perkongsian kuasa oleh anak Malaysia.

Gambaran kegemilangan Malaysia setiap era di bawah teraju enam Perdana Menteri, dikisahkan secara imbasan babak demi babak daripada sebuah negara baru merdeka hingga kini di ambang status negara maju.

Bertepatan tema sambutan 'Negaraku Sehati Sejiwa', semangat kesepaduan, kesefahaman dan keki-taan, bukan saja terserlah pada wajah barisan kepemimpinan negara tetapi juga terpancar pada peserta serta orang ramai yang membanjiri lokasi seawal jam 6 pagi.

Acara bermula dengan ceria mulai jam 8 pagi dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muham-

mad V; Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan 2017 serta barisan menteri Kabinet dan perwakilan asing.

Perdana Menteri yang berpakaian seragam warna kuning khaki, melaukan ungkapan 'Merdeka' tujuh kali, memilih gaya Bapa Kemerdekaan yang juga Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, pada 31 Ogos 1957.

Malah, landskap Dataran Merdeka diubah menjadi seolah-olah suasana Stadium Merdeka enam dekad lalu, bagi mengembalikan nostalgia Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, tarikh keramat Tanah Melayu menjadi negara berdaulat daripada penjajahan British.

Beberapa individu istimewa tu-

rut dibawa khas ke Dataran Merdeka termasuk dua pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang ditugaskan menaikkan bendera Malaysia buat kali pertama iaitu Lef-Komander (Bersara) Mohd Sharif Kalam dan Pegawai Waran 1 (Bersara) Oliver Culvelt Samuel.

101 merpati dibebaskan

Turut ditampilkan, Rusnah Aksah, gadis sunti berusia 12 tahun ketika diamanahkan melepaskan 101 merpati di Stadium Merdeka pada 16 September 1963, sempena pengisytiharan pembentukan Malaysia.

Bezanya, pada kali ini, Rusnah, 66, melepaskan 60 merpati sebagai simbolik 60 tahun negara mencapai kemerdekaan dan kejayaan gemilang di bawah pentadbiran kerajaan sekarang.

Lebih 500,000 rakyat Malaysia pelbagai kaum dan latar belakang membanjiri Dataran Merdeka bagi memeriahkan sambutan, manaka-

la kira-kira 18,000 peserta mengambil bahagian menerusi lapan segmen iaitu kewarganegaraan, perkhidmatan awam, ekonomi, animasi, sukan, jati diri, ketenteraman awam, keselamatan negara, pertunjukan udara serta komponen rakyat bersepadu.

Sambutan turut diisi dengan pantomen Ops Tapah mengisahkan pengorbanan anggota Pasukan F Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) menentang komunis.

Selain itu, 1,000 anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) memukau pengunjung dengan persembahan kawad senyap, selain perarakan aset darat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM serta pertunjukan udara melintasi Dataran Merdeka.

Seterusnya, orang ramai terus memberi sorakan terhadap peserta perbarisan yang menampilkan penyertaan lapan kontinjen daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk pasukan keselamatan.